



Ruj: UKM KPD/262

Tarikh: 8 Mei 2017

Semua Pelajar Program Prasiswazah
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI SESI AKADEMIK 2016-2017

Adalah dimaklumkan bahawa merujuk kepada kalendar akademik Pusat Kembangan Pendidikan (PKP), Semester 3 Sesi Akademik 2016-2017 akan diadakan mulai **7 Ogos hingga 24 September 2017**. Oleh yang demikian, sukacita sekiranya saudara/i, dapat memberikan perhatian dan tindakan sewajarnya bagi melancarkan proses pendaftaran kursus ini mengikut sepertimana yang disenaraikan di bawah:

- a. Pendaftaran kursus awal akan dijalankan mulai **22 hingga 28 Mei 2017 (seminggu)** secara online melalui laman web <http://www.ukm.my/smpe>. Pelajar adalah dinasihatkan supaya tidak mendedahkan nombor katalaluan masing-masing untuk mengelakkan sebarang permasalahan;
- b. Kursus yang ditawarkan telah ditetapkan oleh fakulti masing seperti di laman web <http://www.ukm.my/pkp>. Pendaftaran kursus boleh dibuat melalui komputer yang mempunyai capaian internet dan perisian Java. Sila klik pada menu pendaftaran awal untuk mendaftar kursus;
- c. Pelajar yang berada dalam kategori Lulus Bersyarat (ALB) pada Semester 1 Sesi Akademik 2016-2017 dinasihatkan tidak mendaftar kursus pada semester 3 ini;
- d. Syarat-syarat pendaftaran Semester 3 adalah seperti berikut:
 - i. Pendaftaran untuk Semester 3 Sesi Akademik 2016-2017 adalah **DIWAJIBKAN** oleh pihak fakulti;
 - ii. Pelajar dibenarkan mengambil **TIDAK MELEBIHI DUA (2)** kursus sahaja, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada fakulti;
 - iii. Pelajar hanya boleh membuat pengguguran kursus semasa minggu ke-2 perkuliahan (**14-20 Ogos 2017**);

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN


Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

- iv. Penarikan diri daripada kursus boleh dilakukan sehingga minggu ke-5 perkuliahan iaitu dari **21 Ogos hingga 10 September 2017** dan akan diberikan gred TD;
- v. Gred-gred yang diperolehi bagi kursus Semester 3 akan diambilkira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada semester berikutnya (semester 1 Sesi Akademik 2017-2018);
- vi. Tempoh pengajian Semester 3 Sesi Akademik 2016-2017 tidak diambilkira bagi menentukan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk keperluan pengijazahan;
- vii. Kursus yang kurang daripada sepuluh (10) orang pelajar akan dibatalkan dan pelajar diminta mendaftar kursus pada semester berikutnya;
- viii. Bayaran caj RM50.00 akan dikenakan jika tidak membuat pendaftaran kursus;

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, sila hubungi Pn Massarah Abd Talib di talian 03-8921 3375/4072 atau emel kepada massarah@ukm.edu.my untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,



PROF DR NORHAMIDI MUHAMAD
Pengarah

- s.k.
- Penyelaras Program, PKP
 - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, PKP
 - Ketua Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia, PKP
 - Ketua Bahagian Kewangan, PKP



PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

**TARIKH-TARIKH PENTING BAGI PROGRAM PRASISWAZAH
FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN
SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2016-2017**

Perkara	Tarikh
Pendaftaran Kursus Awal	22 hingga 28 Mei 2017 (1 minggu)
Mengambil bahan bacaan di UKM Bangi	5 hingga 6 Ogos 2017 (2 hari)
Gugur kursus sahaja	14 hingga 20 Ogos 2017 (1 minggu)
Tarik Diri kursus (TD)	21 Ogos hingga 10 September 2017 (3 minggu)

Bagi tujuan pendaftaran / gugur / tarik diri kursus di atas, sila lakukan melalui SMPE di <http://www.ukm.my/smpe>. Permohonan selepas tarikh-tarikh yang disebutkan di atas tidak akan dipertimbangkan.